

## **KEMPEN TAWARAN CONNECT PAY DAY, MENANGI KOD PROMO BAGI PERANTI SAMSUNG TERPILIH BERNILAI SEHINGGA RM180,000**

Kali terakhir dikemaskinikan pada 21 October 2021

### **Tempoh Kempen**

“Tawaran Connect Payday, Menangi Kod Promo Bagi Peranti Samsung Terpilih Bernilai Sehingga RM180,000” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada **29 October 2021 dan berakhir pada 03 Januari 2022** (“Tempoh Kempen”), termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya.

### **Terma & Syarat**

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“T&S”):

### **Kelayakan**

1. Kempen ini dibuka kepada semua pelanggan individu Bank warganegara dan bukan warganegara Malaysia (“Pelanggan”) yang:
  - (i) memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) dan telah mendaftar dengan Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi Connect semasa Tempoh Kempen; dan
  - (ii) merupakan pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi Connect dengan CASA/CASA-i sebelum Tempoh Kempen.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
  - (i) yang telah melakukan atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan/atau
  - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
3. Pekerja tetap dan pekerja kontrak Bank tidak layak menyertai Kempen ini.
4. Para pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan dalam Klausa 1 di atas boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi kod promo dengan potongan diskaun sehingga 30% bagi Peranti Samsung (“Kod Promo”) sepanjang Tempoh Kempen bersempena dengan Tawaran Connect Pay Day.

### **Tatacara Kempen**

5. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu:
  - (i) **LANGKAH 1:** Mendaftar dan/atau log masuk Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi Connect (terpakai untuk Pelanggan baharu); dan
  - (ii) **LANGKAH 2:** Melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Layak yang berjaya, dengan butiran yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah bagi setiap Bulan Kempen sepanjang Tempoh Kempen untuk mendapatkan mata penyertaan;
  - (iii) **LANGKAH 3:** Pelanggan yang mengumpulkan mata tertinggi berdasarkan Transaksi Layak yang dilakukan bagi setiap Bulan Kempen dalam Tempoh Kempen berpeluang memenangi Kod Promo [selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”].

6. Pelanggan yang Layak yang telah melakukan dan memenuhi syarat-syarat dalam Klausa 5 di atas akan dipilih bagi setiap Bulan Kempen mengikut kaedah pemilihan pemenang dan seperti yang ditetapkan dalam Jadual 2 di bawah untuk memenangi Kod Promo (“**Pemenang Kod Promo**”)
7. Peruntukan Kod Promo untuk Kempen ini terhad **sehingga 30%** diskaun bagi setiap Pelanggan yang Layak.
8. Sebanyak **Dua Ratus Sembilan Puluh Lapan (298)** Kod Promo bernilai sehingga RM180,000.00 akan dihadiahkan sepanjang Tempoh Kempen.
9. Setiap Pemenang Kod Promo layak untuk menerima hanya satu (1) Kod Promo sepanjang Tempoh Kempen. Kod Promo tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

#### **Pemilihan Pemenang untuk Pemenang Kod Promo**

10. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Pemenang Kod Promo, Bank akan memperuntukkan mata untuk setiap Transaksi yang Layak yang berjaya kepada setiap Pelanggan yang Layak setiap bulan.

**Jadual 1**

<b>Transaksi yang Layak</b>	<b>Mata</b>
Mohon Pinjaman Peribadi / Pembiayaan Peribadi-i	2,000 mata
Mohon Kad Kredit	1,000 mata
Mohon untuk Pindahan Baki	1,000 mata
Mohon untuk Wang Tunai Segera	1,000 mata
Mohon Pelan Pembayaran Fleksi	1,000 mata
Letak e-Deposit Tetap/e-Deposit Tetap-i minimum sebanyak RM1,000	500 mata
<i>Produk Deposit Tetap/Deposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.</i>	
Tambah Nilai Prabayar	200 mata
Bayar Bil dengan JomPAY	100 mata
Bayar dengan DuitNow QR	50 mata

**Jadual 2**

<b>Bulan Kempen</b>	<b>Tempoh Kempen</b>	<b>Bil. Pemenang Kod Promo Setiap Bulan</b>
Bulan 1	29 Oktober 2021– 4 November 2021	Satu ratus sebelas (111) Pemenang Kod Promo
Bulan 2	26 November 2021– 2 Disember 2021	Sembilan puluh tujuh (97) Pemenang Kod Promo
Bulan 3	26 Disember 2021 – 3 Januari 2022	Sembilan puluh (90) Pemenang Kod Promo

*Pelanggan yang Layak dengan mata terkumpul yang tertinggi bagi Bulan Kempen dalam Tempoh Kempen akan dipilih sebagai Pemenang Kod Promo bagi Bulan Kempen yang berkenaan.*

11. Sekiranya berlaku di mana dua (2) orang Pelanggan yang Layak atau lebih yang mengumpulkan mata tertinggi yang sama bagi Bulan Kempen, Pelanggan yang Layak yang pertama mengumpulkan mata tertinggi berdasarkan Transaksi yang Layak yang dilaksanakan akan dipilih sebagai Pemenang Kod Promo bagi Bulan Kempen yang berkenaan.

### **Pengisian Kod Promo Kempen**

12. Pemenang Kod Promo akan diberitahu dengan Kod Promosi melalui SMS (berdasarkan catatan Bank) seperti yang dinyatakan pada Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3**

<b>Bulan Kempen</b>	<b>Tempoh Kempen</b>	<b>Tarikh Pengumuman Pemenang</b>
Bulan 1	29 Oktober 2021– 4 November 2021	29 November 2021
Bulan 2	26 November 2021– 2 Disember 2021	31 Disember 2021
Bulan 3	26 Disember 2021 – 3 Januari 2022	31 Januari 2022

13. Pemenang Kod Promo perlu menebus Kod Promo sebelum tarikh tamat melalui rakan peniaga pihak ketiga Tri-e Marketing Sdn. Bhd. [0825150M] <https://dcode.3ex.com.my/cpdd> untuk membeli Peranti Samsung.
14. Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Kod Promo dan/atau Peranti Samsung, kesahihan dan/atau penggunaan Kod Promo dan Bank tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Kod Promo yang hilang, dicuri atau tamat tempoh. Pemenang Kod Promo hendaklah dengan menggunakan kos dan perbelanjaan sendiri, berurusan secara terus dengan Tri-e Marketing Sdn Bhd bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Kod Promo dan/atau Peranti Samsung tanpa mendapatkan bantuan daripada Bank.

### **Am**

15. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
  - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
  - (ii) bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web bank [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my);
  - (iii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat kelayakan di bawah Klausa 4 dan 5 dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen adalah tepat dan pemilihan Pemenang Kod Promo adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;

- (iv) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
  - (v) untuk memberi persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit dan / atau alamat e-mel mereka kepada vendor yang dilantik oleh bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan / atau e-mel untuk Kempen;
  - (vi) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan;
  - (vii) mengakses laman web Kempen di [www.hlb.com.my/connectpdd](http://www.hlb.com.my/connectpdd) (“**Laman Web Kempen**”) pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
  - (viii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
16. Bank berhak:
- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen; dan
  - (ii) untuk membatalkan Kod Promo sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai.
17. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang terkandung, Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Am Akaun, T&S tertentu yang terkandung di sini akan diutamakan sejauh mana percanggahan tersebut.
18. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.
19. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
20. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.
21. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai T&S, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi kami di 03-76268899.